

ISU-ISU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK: Peranan Ibu Bapa/Penjaga Memilih Prasekolah (Tadika Awam, Tadika Swasta dan Sekolah Antarabangsa), Memupuk Minat Membaca, Belajar Matematik dan Kuasa Muzik.

8.1 Peranan Ibu Bapa/Penjaga Memilih Prasekolah.

Ibu bapa menganggap prasekolah akan menyediakan peluang untuk anak-anak mereka berkembang sebagai seorang pelajar. Hal ini akan berlaku jika ibu bapa merasa yakin dengan kualiti guru dan prasekolah. Terdapat tiga langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pengalaman positif iaitu memilih pusat prasekolah yang betul, menyediakan anak-anak untuk prasekolah dan menyokong anak-anak semasa belajar di prasekolah. Pemilihan pusat prasekolah untuk anak hendaklah dilakukan beberapa bulan sebelum sesi persekolahan bermula. Terdapat empat langkah dalam memilih prasekolah iaitu:

1. Meneliti falsafah pusat prasekolah.

Terdapat ibu bapa berpendapat prasekolah adalah tempat untuk membolehkan anak-anak mereka mengembangkan kemahiran asas dalam akademik. Ibu bapa yang lain mungkin melihat prasekolah sebagai tempat yang menyediakan peluang untuk anak-anak membentuk hubungan yang baik dengan rakan sebaya.

2. Mendapatkan senarai pusat prasekolah tempatan.

Selepas menentukan falsafah prasekolah, dapatkan senarai pusat prasekolah untuk dipertimbangkan.

3. Mengumpul maklumat tentang pusat prasekolah.

Sebelum melawat ke prasekolah, dapatkan maklumat tentang prasekolah. Ibu bapa perlu bertanya kepada pengelola prasekolah mengenai falsafah, lokasi, kos, bilangan hari pembelajaran dan sebagainya. Berdasarkan maklumat tersebut, ibu bapa boleh menentukan pusat prasekolah yang sesuai dengan kehendak mereka dan melawat untuk meninjau lebih lanjut.

4. Melawat dan memerhati pusat prasekolah.

Tetapkan temujanji dengan pihak prasekolah untuk melihat dan menemubual stafnya. Semasa lawatan, perhatikan persekitaran, bilik darjah, jadual, aktiviti pembelajaran dan interaksi guru dan murid. Semasa sesi temubual, pertimbangkan peraturan disiplin, tahap penglibatan ibu bapa dan kelayakan staf dan sekolah.

Semasa lawatan, ibu bapa boleh menggunakan garis panduan berikut untuk membantu mereka:

• **Guru Prasekolah.**

- Kelayakan, pengalaman, dan latar belakang guru.
- Sama ada guru menghadiri latihan professional secara berterusan.
- Jangkaan berbeza untuk kanak-kanak berlaianan umur dan minat.
- Adakah kanak-kanak dan guru nampak mesra.
- Adakah kanak-kanak mendapat perhatian individu.
- Adakah guru bertindak secara positif terhadap kanak-kanak dan berkomunikasi pada tahap kanak-kanak.
- Adakah guru mendengar percakapan murid dan bertindak balas secara aktif.
- Adakah guru menekankan kekuatan dan kejayaan murid.
- Sama ada guru menunjukkan ciri kecindan.

- Sama ada guru mempunyai falsafah mendidik kanak-kanak yang sama dengan ibu bapa.
- Adakah ibu bapa merasa mesra dan yakin dengan guru prasekolah.
- Sama ada guru pandai , menyelesaikan konflik di kalangan murid.
- **Interaksi kanak-kanak.**
 - Adakah kanak-kanak merasa selesa dan gembira.
 - Adakah kanak-kanak berpeluang meluahkan pandangan.
 - Adakah kanak-kanak mempercayai guru untuk bantuan.
 - Adakah guru membantu kanak-kanak bertimbang rasa semasa asertif.
- **Aktiviti harian.**
 - Adakah jadual tetap untuk kanak-kanak.
 - Bagaimana cara guru mengurus waktu rehat.
 - Apa jenis aktiviti disediakan untuk kanak-kanak dan samada aktiviti sesuai dengan umur kanak-kanak.
 - Apakah fokus aktiviti- pembelajaran, permainan kreatif atau kedua-duanya.
 - Keseimbangan aktiviti fizikal luar dan dalam.
 - Samada kanak-kanak dibenarkan memilih aktiviti yang disukai mereka.
 - Adakah guru menghargai nilai main dan menggalakkan kreativiti.
 - Kepelbagaian bahan permainan yang disediakan.
 - Adakah aktiviti main melambangkan masyarakat pelbagai budaya tanpa diskriminasi.

- **Disiplin.**
 - Bagaimana kanak-kanak dikawal.
 - Adakah kawalan disiplin berpatutan dan menekankan pengajaran tingkah laku yang bersesuaian.
 - Adakah 'time out' member peluang kanak-kanak membuat refleksi sendiri dan bukan sebagai hukuman.
 - Adakah kanak-kanak dilibatkan dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

- **Nisbah orang dewasa dan kanak-kanak.**
 - Apakah nisbah yang dibenarkan untuk prasekolah.
 - Berapa bilangan kanak-kanak di bawah jagaan dan umur kanak-kanak.
 - Adakah bilangan orang dewasa mencukupi untuk melayan kanak-kanak.

- **Persekitaran.**
 - Ruang mencukupi untuk kanak-kanak bergerak bebas.
 - Ruang untuk kanak-kanak bermain, belajar secara senyap dan aktif.
 - Bilik selesa, menggalakkan, menarik dan ceria.
 - Hasil kerja murid dipamerkan.

- **Makanan dan minuman.**
 - Makanan berzat dan pelbagai disediakan pada masa sesuai.
 - Guru dapat menyediakan makanan khas untuk kanak-kanak yang memerlukan.
 - Penyimpanan dan penyediaan makanan dalam keadaan yang memuaskan.

- **Layanan khas.**
 - Adakah guru dapat melayan kanak-kanak dengan keperluan khas.
- **Penglibatan ibu bapa.**
 - Galakan penglibatan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh prasekolah.
 - Adakah ibu bapa digalakkan untuk hadir atau memerhati semasa kelas dijalankan.
- **Keselamatan.**
 - Cahaya lampu dan pengudaraan mencukupi.
 - Peralatan selamat dan dalam keadaan baik.
 - Ubat-ubatan dan bahan merbahaya disimpan dengan baik.
 - Alat keselamatan disediakan.
 - Pelan pemindahan kecemasan disediakan dan dilatih dari masa ke semasa.
 - Maklumat kecemasan disimpan dalam fail untuk setiap orang kanak-kanak.
- **Sakit.**
 - Peraturan jika kanak-kanak jatuh sakit.
 - Samada pembantu yang bertauliah ada untuk membantu sekiranya guru sakit atau mengalami kecemasan.

8.1.2 Tadika Awam VS Tadika Swasta + Sekolah Antarabangsa.

Yang mana satu pilihan ibu bapa?

Masih buntu untuk memikirkan prasekolah terbaik untuk anak? Tidak tahu sama ada ingin menghantar anak ke tadika awam atau swasta? Atau ke sekolah antarabangsa? Ketahui sukatan pelajaran yang diajar di sekolah bagi membantu ibu bapa memastikan pilihan yang ibu bapa buat itu tepat.

Sukatan Pelajaran di Prasekolah.

Tahap pendidikan di negara ini mengalami perubahan sedikit demi sedikit. Jika tiga dekad lalu pilihan ibu bapa ada hanya tadika awam dan beberapa tadika swasta, namun keadaan itu semakin berubah kini. Lambakan tadika swasta di negara ini menyebabkan ibu bapa dapat membuat pilihan terbaik untuk menghantar anak mereka ke prasekolah yang tepat. Tidak dapat dinafikan, pendidikan awal penting dalam membentuk personaliti kanak-kanak di samping memupuk sikap sukakan pelajaran dalam diri kanak-kanak. Jika dahulu, suasana pembelajaran di tadika tertumpu kepada belajar ABC dan nombor, nyanyian, mendengar guru membacakan buku cerita dan bermain bersama rakan, berbeza pula dengan suasana pembelajaran pada masa kini. Prasekolah kini menawarkan kurikulum yang berbeza yang boleh dipilih oleh ibu bapa. Justeru itu, eloklah jika ibu bapa mengetahui cara pembelajaran yang terdapat di tadika di Malaysia bagi memudahkan ibu bapa dapat membuat pilihan yang bijak.

Kaedah Montessori.

Kurikulum Montessori dipandu oleh dua keperluan perkembangan penting untuk kanak-kanak, iaitu keperluan untuk kebebasan tanpa batasan dan persekitaran yang lengkap dan teratur yang dapat memastikan kanak-kanak terdedah kepada pengalaman dan material yang diperlukan. Kepintaran dan kemampuan kanak-kanak berkembang secara fizikal dan psikologi melalui keperluan yang dikehendaki. Kaedah pendidikan Montessori membolehkan kanak-kanak meningkatkan kemahuan semula jadi mereka untuk belajar dan mengembangkan keupayaan mereka dalam persekitaran yang sempurna. Suasana kaedah Montessori ialah kanak-kanak dihormati sama seperti orang dewasa.

Guru-gurunya perlu menduduki dan memiliki diploma Pendidikan Montessori. Kanak-kanak pula diberi kebebasan untuk memilih aktiviti yang ingin mereka pelajari. Setiap aktiviti yang mereka pilih mengajar mereka kemahiran yang diperlukan dalam hidup mereka kelak: mulai dari membaca hingga menulis, mengira hingga menambah, cara membutangkan baju hingga mengikat tali kasut dan membasuh pinggan hingga meletakkan baju kotor. Kehidupan realiti dicampur dengan kemahiran akademik dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang disenangi oleh kanak-kanak.

Kaedah Tradisional.

Kaedah tradisional di prasekolah menumpukan kepada kurikulum yang dibangunkan oleh tadika itu sendiri. Elemen yang diterapkan di tadika ini mungkin tidak sama dengan Kurikulum Montessori yang mendedahkan kanak-kanak kepada pembelajaran praktikal untuk kehidupan, tetapi kaedah ini masih berfokuskan kepada akademik yang diperlukan oleh kanak-kanak untuk kemasukan ke sekolah rendah. Guru-guru di sini dilatih untuk memastikan pelajar tahu cara mengira, membaca dan menulis. Di sini juga pelajar diajar pengajaran berstruktur melalui bercerita, seni dan kraf serta rutin bermain. Pendekatan disiplin dalam kurikulum ini sedikit berbeza daripada kaedah Montessori. Jika di Montessori kanak-kanak diberi kebebasan memilih, tetapi dalam kaedah tradisional, kanak-kanak perlu mematuhi kurikulum yang disediakan.

Kaedah Waldorf.

Kurikulum Waldorf tidak mudah dijumpai di mana-mana kerana setiap sekolah dan gurunya mesti mempunyai kelayakan Waldorf. Pendekatan lain yang diamalkan dalam kurikulum ini ialah kanak-kanak melalui rutin yang dipercayai. Aktiviti seperti memasak dan berkebun turut diletakkan dalam silibus ini. Pada kebiasaannya, kanak-kanak pelbagai umur diletakkan di dalam satu kelas dan menjalani aktiviti pembelajaran dengan cara kreatif, membaca, berlakon dan menyanyi. Perkara yang menjadikan kaedah ini berbeza dengan tradisional ialah dari segi penggedan dan penggunaan media dalam kurikulum. kaedah Waldorf menarik minat pelajarinya dengan menggunakan pelbagai peralatan termasuklah komputer dan bahan elektronik. Kurikulum mereka tidak menggunakan bahan akademik lain seperti tiada kerja rumah, tiada nota, tiada lembaran kerja, ujian dan peperiksaan. Kanak-kanak di sini meluangkan kebanyakan masa mereka di luar kelas dan hanya belajar membaca semasa Gred 1.

Prasekolah Antarabangsa.

Sekolah Antarabangsa mempunyai kaedah yang berbeza dengan pendidikan prasekolah di sini. Di Malaysia, terdapat Sekolah Antarabangsa British, Australia dan Amerika. Kesemua sekolah ini mengamalkan kurikulum yang berbeza untuk sekolah rendah. Pelajar yang ingin memasuki Tahun Satu perlu mematuhi pra-syarat yang dikenakan. Selain itu, mereka juga mempunyai kurikulum yang tersedia untuk bahagian prasekolah. Jika ibu bapa berhajat untuk memasukkan anak ke sekolah antarabangsa, lebih baik ibu bapa menghantar mereka ke prasekolah antarabangsa ini sekurang-kurangnya setahun supaya mudah untuk mereka memasuki Tahun Satu di situ.

Perbezaan antara Sistem Persekolahan Awam, Swasta dan Antarabangsa.

Awam.

- Dikenali sebagai sekolah kerajaan.
- Dibiayai oleh kerajaan.
- Termasuk sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan (sekolah jenis kebangsaan Cina atau sekolah jenis kebangsaan Tamil).
- Yuran persekolahan yang dikenakan minima.
- Penekanan terhadap bahasa kebangsaan (bahasa Malaysia, Cina dan Tamil).

Swasta.

- Beroperasi lebih 40 tahun, namun ada juga yang baru ditubuhkan.
- Ibu bapa membayar sendiri yuran pendaftaran, kurikulum tambahan, tuisyen dan yuran pengajian.
- Sukatan pelajaran mengikut sistem persekolahan kerajaan.
- Kemudahan yang disediakan lebih baik seperti kolam renang, bilik muzik dan makmal komputer kelas satu.

- Kelas bahasa tambahan disediakan.
- Saiz kelas lebih kecil berbanding dengan sekolah awam.
- Para pelajar dapat memberi tumpuan lebih khusus kepada pembelajaran.

Antarabangsa.

- Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- Pelbagai sukatan pelajaran yang ditawarkan seperti kurikulum Amerika, UK, New South Wales, New Delhi, Baccalaureate Antarabangsa dan Ontario.
- Kemudahan yang disediakan lebih baik seperti kolam renang, gimnasium, teater seni persembahan, makmal sains, makmal komputer kelas satu dan gelanggang sukan.
- Kelas bahasa tambahan turut disediakan.
- Saiz kelas yang kecil dengan anggaran nisbah 2 guru bagi 20 pelajar.
- Guru-guru memberi perhatian khusus kepada setiap pelajar di dalam kelas.
- Dibiayai sepenuhnya oleh ibu bapa termasuklah yuran pengajian, yuran pendaftaran, kurikulum tambahan dan tuisyen.

8.2 Memupuk Minat Membaca.

Kebanyakan ibu bapa mengharapkan anak mereka gemar membaca, tetapi mereka seolah-olah tidak tahu bahawa minat membaca itu bukanlah tumbuh dengan sendirinya. Persekitaran rumah amat berpengaruh untuk menimbulkan minat membaca kepada anak. Oleh itu, peranan ibu bapa seawal mungkin amat penting untuk membentuk persekitaran yang mengundang minat membaca kepada anak.

Teori tentang Membaca.

Sebelum pandai membaca, seorang kanak-kanak harus mengenal huruf terlebih dahulu. Sesudah mengenal huruf, barulah dia belajar merangkaikan huruf menjadi kata-kata yang bermakna. Pada akhirnya, anak memahami suatu perkataan secara keseluruhan. Budihasti(1983) mengutip pendapat Gray (dalam Dalman, 1974) yang menyebut beberapa komponen membaca iaitu:

1. Pengenalan kata-kata.

Di sini penekanannya pada pengenalan persamaan antara apa yang diucapkan dan apa yang ditulis sebagai simbol, istilahnya *decoding*.

2. Pemahaman.

Selain mengenali simbol dan dapat mengucapkannya, dalam proses membaca juga sangat penting untuk memahami perkara dibaca.

3. Reaksi (tindak balas).

Diharapkan ada reaksi terhadap hal yang dibaca.

4. Asimilasi (Penggabungan).

Asimilasi idea-idea yang diharapkan daripada mereka dengan pengalaman pembaca pada masa lalu.

Menurut Brenda Thomson (1970) yang dikutip Budihastuti (1983), waktu yang paling tepat untuk belajar membaca adalah ketika anak di tadika. Pada masa ini rasa ingin tahu anak berkembang sehingga anak banyak melontarkan pertanyaan. Mereka juga sudah lebih bersedia menerima hal-hal yang dilihatnya di sekolah. Di samping itu, keterikatan anak pada hal-hal yang konkrit sudah berkurang dan sebaliknya kemampuan mereka berkembang menjadi lebih abstrak. Untuk itu, anak sudah dapat didedahkan kepada simbol-simbol. Anak perlu dipupuk untuk memberi perhatian dan penghargaan terhadap buku. Pada peringkat awal kanak-kanak lagi ini, anak perlu dilatih tentang cara memegang buku, membuka halaman, mengenal gambar dan mengembalikan buku pada tempatnya (Pakasi, 1990 dalam Budiharti, 1983).

Teori tentang Membaca.

Sebelum pandai membaca, seorang kanak-kanak harus mengenal huruf terlebih dahulu. Sesudah mengenal huruf, barulah dia belajar merangkaikan huruf menjadi kata-kata yang bermakna. Pada akhirnya, anak memahami suatu perkataan secara keseluruhan. Budihasti(1983) mengutip pendapat Gray (dalam Dalman, 1974) yang menyebut beberapa komponen membaca iaitu:

1. Pengenalan kata-kata.

Di sini penekanannya pada pengenalan persamaan antara apa yang diucapkan dan apa yang ditulis sebagai simbol, istilahnya *decoding*.

2. Pemahaman.

Selain mengenali simbol dan dapat mengucapkannya, dalam proses membaca juga sangat penting untuk memahami perkara dibaca.

3. Reaksi (tindak balas).

Diharapkan ada reaksi terhadap hal yang dibaca.

4. Asimilasi (Penggabungan).

Asimilasi idea-idea yang diharapkan daripada mereka dengan pengalaman pembaca pada masa lalu.

Menurut Brenda Thomson (1970) yang dikutip Budihastuti (1983), waktu yang paling tepat untuk belajar membaca adalah ketika anak di tadika. Pada masa ini rasa ingin tahu anak berkembang sehingga anak banyak melontarkan pertanyaan. Mereka juga sudah lebih bersedia menerima hal-hal yang dilihatnya di sekolah. Di samping itu, keterikatan anak pada hal-hal yang konkrit sudah berkurang dan sebaliknya kemampuan mereka berkembang menjadi lebih abstrak. Untuk itu, anak sudah dapat didedahkan kepada simbol-simbol. Anak perlu dipupuk untuk memberi perhatian dan penghargaan terhadap buku. Pada peringkat awal kanak-kanak lagi ini, anak perlu dilatih tentang cara memegang buku, membuka halaman, mengenal gambar dan mengembalikan buku pada tempatnya (Pakasi, 1990 dalam Budiharti, 1983).

Tahap Perkembangan Minat Membaca.

Yaumil Achir menghuraikan dengan jelas perkembangan minat membaca dalam diri anak adalah seperti berikut:

- **Umur 1 hingga 3 tahun.**

Pada peringkat umur 1 hingga 3 tahun, anak cenderung mengoyakkan kertas. Oleh itu, para ibu bapa disarankan menyediakan buku yang diperbuat daripada plastic atau bahan kain yang bukan sahaja kuat, malah tidak mudah rosak dan juga dapat dicuci. Isi bacaannya pula disarankan pada setiap halamannya hanya mengandungi satu benda sahaja diikuti namanya. Benda dan namanya mestilah dalam format besar dengan warna yang cerah dan menarik. Selain membeli, ibu bapa juga boleh membuat sendiri dengan bermula dari pengenalan nama anggota keluarga. Caranya adalah dengan menempelkan gambar ukuran passport dan menulis nama orang di dalam foto itu menggunakan huruf besar semua. Cara lain yang berkesan adalah melalui gambar-gambar iklan, sama ada yang terdapat di dalam majalah mahupun gambar iklan dibuat dengan huruf yang jelas dan besar serta memakai warna yang ceria. Oleh itu, pilihlah majalah atau surat khabar yang sudah tidak digunakan. Anak sudah tentu rasa gembira serta bersemangat untuk belajar mengenal huruf daripada majalah dan surat khabar kerana terasa diri dilibatkan dalam dunia orang dewasa. Perkara yang lebih penting lagi selama proses mengenal huruf itu adalah penglibatan ibu bapa disamping anak-anak.

- **Umur 3-5 tahun.**

Buku cerita sesuai untuk anak di atas umur tiga tahun yang sudah biasa dengan beberapa perkataan yang merupakan idea. Namun, masih kekal ilustrasi gambar yang menarik, warna yang ceria serta format yang besar. Di sini, bacaan sudah dapat menarik penglibatan emosi anak dan mudah mempengaruhinya dalam dunia sehari-hari.

Umur 3 hingga 5 tahun, anak sudah duduk di taska ataupun tadika. Pengalaman relatif mereka lebih banyak, demikian pula penguasaan bahasa mereka jauh lebih baik. Sebab itu, bacaan yang diberikan agak panjang dan menyentuh idea yang sedikit kompleks. Harus diingatkan pula bahawa anak sudah lebih kritis, sehingga kita juga harus lebih serius dan berhati-hati dalam membaca buku. Maksudnya, anak belum mampu menggunakan bahasa sehari-hari mengikut cara orang dewasa. Sebaliknya kita dituntut membaca menggunakan kaedah yang sesuai dengan bahasa buku. Hal ini ada baiknya, sebab anak akan mendengar secara langsung dengan baik. Tambahan pula anak dapat memperkayakan kosa kata yang dipelajari daripada buku tersebut. Jenis buku pula mestilah berunsurkan buku cerita dan mempunyai ukuran buku lebih kurang 21cm x 29.7cm.

- **Umur 5 hingga 7 tahun**

Fokus perkembangan anak pada usia ini ada pada dunia akademik dan intelektual. Dalam tempoh ini, yang menonjol adalah bilangan perkataan, idea, konsep yang merupakan daripada hal yang berlaku di persekitaran dan disimpan secara kognitif sama ada melalui pengalaman atau diterima secara tidak langsung.

CARA-CARA MENGEMBANGKAN MINAT MEMBACA

1. Memperkenalkan buku bacaan bergambar dengan warna yang menarik kepada anak sejak kecil lagi.
2. Kanak-kanak berumur 1-3 tahun, mulakan dengan membaca cerita pendek beserta intonasi yang menarik dan suara yang jelas.
3. Mengajar membaca dengan berkesan sambil bermain dalam suasana tidak formal.
4. Melibatkan anak dalam kegiatan seharian di rumah yang mengharuskan anak menggunakan kemampuannya.
5. Selalu membawa anak ke perpustakaan dan mendaftarkannya sebagai ahli.

6. Menyediakan satu sudut bacaan di rumah untuk menyimpan bahan bacaan sebagai tempat bersantai dengan anak-anak.

Peranan ibu bapa adalah sangat besar terhadap pembentukan minat membaca, selain memberikan contoh bahawa kita juga gemar membaca. Sebagai ibu bapa juga seharusnya memberi kaedah yang betul ketika hendak membaca, misalnya membaca dibawah lampu yang terang, dalam keadaan duduk, dengan jarak antara mata dan buku lebih kurang 30cm.

Peranan ibu bapa yang lain ialah membantu membuat pemilihan yang sesuai dengan peringkat umur anak kerana ia dapat membantu anak agar dapat belajar pelbagai perkara yang sesuai dengan perkembangan dirinya. Buku juga merupakan sumber pengenalan diri bagi anak dan melalui bacaan pula anak memahami nilai-nilai yang belum diketahui daripada ibu bapanya.

8.3 Belajar Matematik.

Masalah yang sering dihadapi oleh ibu bapa sejak dulu lagi adalah dalam mendidik anak-anak menyukai Matematik. Kegusaran ini semakin meningkat apabila ibu bapa menyedari akan kepentingan menguasai kemahiran Matematik dan Sains dalam dunia serba moden ini. Bukan sahaja dalam pendidikan, penguasaan angka turut diperlukan dalam kehidupan seharian kita seperti ketika membeli-belah, merancang perbelanjaan dan juga dalam pelaburan. Pemahaman dan penguasaan dalam Matematik tidak hanya menjadikan anak-anak lebih cerah dalam mendapatkan peluang kerja yang baik ketika besar nanti, tetapi juga menyediakannya menyelesaikan isu dunia seperti pemuliharaan tenaga dan pemanasan global. Justeru itu, setiap ibu bapa mengimpikan untuk mendapat anak yang celik angka.

Teknik Belajar Matematik.

1. 1, 2, 3

Pembelajaran Matematik tidak boleh diharapkan hanya dapat dipelajari di sekolah. Sebaliknya, ibu bapa dapat memupuk minat anak-anak mempelajari angka secara tidak formal. Selitkan waktu terluang ibu bapa bersama anak-anak dengan bercerita tentang angka. Contohnya, semasa bermain sorok-sorok bersama anak, mulakan dengan mengira 1, 2, 3 dan seterusnya. Contoh lain, setiap kali ibu bapa menaiki tangga bersama anak, rangsang mindanya dengan mengira pada setiap tangga. Lama-kelamaan anak-anak akan dapat menghafal nombor tersebut.

2. Waktu Bermain.

Permainan keluarga seperti Monopoly dapat mengajar anak-anak mencongak. Contohnya dalam mengira keuntungan atau kerugian semasa bermain Monopoly. Selain itu, aktiviti ini juga dapat merapatkan hubungan antara ibu bapa dan anak.

3. Ketepikan Buku.

Bukan semua kanak-kanak boleh belajar melalui buku. Biarpun buku kanak-kanak memaparkan gambar dan warnanya yang menarik, namun sesetengah kanak-kanak tidak dapat menguasai sepenuhnya jika dihadapkan dengan buku. Sebagai alternatif, gunakan barang yang ada di rumah untuk menarik minatnya. Contohnya, "Ambilkan papa 5 biji epal hijau dari dalam peti ais. Kemudian berikan sebiji kepada papa dan selebihnya untuk adik." Melalui cara ini, anak-anak akan dapat mengetahui bilangan mana yang lebih banyak dan mana yang sedikit. Selain itu, setiap kali ibu bapa ingin anak membantu melakukan sesuatu tugas, kaitkan juga dengan angka. Contohnya, "Maya, tolong ambil dua cawan plastik di atas meja". Bukan sekadar memberi arahan, ibu bapa juga perlu menunjukkan isyarat dua jari supaya anak-anak lebih faham.

4. Gubah Lirik Lagu.

Salah satu cara untuk menarik minat kanak-kanak mempelajari sesuatu adalah melalui lagu. Kanak-kanak bukan sahaja gemar mendengar lagu dan mendendangkannya, tetapi juga mereka dapat menghafal lagu dengan baik. Apa kata ibu bapa mengubah lagu yang dekat dengan dirinya seperti “1 little 2 little 3 little Aiman, 4 little 5 little 6 little Aiman” dan seterusnya, atau ibu bapa juga boleh gubah lagu rakyat terkemuka “10 budak nakal, main tepi jalan, 1 kena langgar, dah tinggal 9, 9 budak nakal main dalam sampan, 1 jatuh sungai, dah tinggallah 8” dan seterusnya.

5. Belajar melalui persekitaran.

Sudah tentu ibu bapa sering membawa anak-anak keluar bersiar-siar menaiki kereta. Jangan bazirkan waktu di dalam kereta dengan membiarkannya tanpa belajar sesuatu. Bagi kanak-kanak yang akan memasuki prasekolah, ajarnya mengenal angka dengan menghafal nombor plat kereta ibu bapa sendiri. Kemudian, ibu bapa boleh memintanya memberitahu nombor plat kereta di hadapan mereka. Selain itu, ibu bapa juga boleh meminta anak mereka menyediakan duit tol dengan memberitahunya jumlah wang yang perlu mereka bayar. Seseekali berikan kesempatan untuknya menyerahkan sendiri wang tersebut kepada jurutol. Pasti dia akan gembira.

6. Ambil Angin.

Pelajaran Matematik tidak semestinya memerlukan buku sebagai panduan. Ibu bapa boleh mengajak anak-anak berjalan-jalan di sekeliling taman dan bertanyakan kepada mereka soalan-soalan yang berkaitan dengan Matematik. Misalnya, berapa jumlah kereta yang berwarna putih di sekeliling taman, berapa langkah yang perlu diambil untuk sampai ke padang permainan dan sebagainya.

7. Membeli-belah sambil Belajar.

Semasa hendak membeli barang keperluan harian, pastikan anak-anak ikut serta. Ibu bapa boleh meminta mereka mengira harga barang yang ibu bapa beli. Jika anak-anak dapat menjawab soalan dengan tepat atau hampir tepat, murahkan hati untuk memberinya ganjaran seperti membawanya makan ke restoran kegemarannya atau membelikan mainan kegemarannya.

8. Menabung demi Masa Depan.

Salah satu cara mengajar anak mengira adalah melalui aktiviti menabung. Pujuk minat anak-anak dengan membelikannya tabung yang menarik seperti berbentuk burung, buah-buahan dan sebagainya. Setiap kali selepas memasukkan duit di dalam tabung, mintanya menulis di dalam buku yang disediakan. Aktiviti yang paling disukai oleh kanak-kanak yang menabung adalah mengira wang tabung. Ketika itu, ibu bapa minta anak-anak mengira hasil tabungan yang telah diusahakan.

9. Kalendar Belajar.

Letakkan satu kalendar di rumah supaya anak-anak boleh mengetahui hari, tarikh dan tahun. Selain itu, kalendar ini juga boleh digunakan dalam pengiraan Matematik. Contohnya, tandakan tarikh-tarikh penting seperti hari lahirnya pada kalendar. Mintanya mengira berapa hari atau bulan lagi yang tinggal untuk tiba pada hari lahirnya. Selain itu, kanak-kanak yang bersekolah juga pasti tertunggu-tunggu waktu cuti panjang. Jadi ajarnya melihat kalendar dan mengira berapa hari lagi untuk cuti sekolah.

10. Hindari Sikap Negatif.

Kebanyakan ibu bapa tidak kisah mengakui kelemahan mereka dalam subjek Matematik. Jika ibu bapa juga bersikap begitu, bagaimana pula ibu bapa ingin memupuk minat kepada anak-anak. Sikap negatif ibu bapa boleh mempengaruhi persepsi anak-anak terhadap subjek itu. Ibu bapa seharusnya menggalakkan lagi mereka untuk belajar.

11. Dunia Gadget.

Permainan dan kanak-kanak tidak dapat dipisahkan. Apa kata sekali-sekala ibu bapa menemaninya bermain permainan pembelajaran dalam telefon pintar tablet. Sudah tentu anak-anak akan terhibur dengan pelbagai aplikasi menarik dalam gadget tersebut. Amaran! Kawal aktiviti anak-anak yang satu ini. Takut jika terleka, waktu sosialnya akan terganggu.

8.4 Kuasa Muzik.

Muzik mempunyai kemampuan yang hebat dalam membentuk emosi seseorang tidak kiralah gembira, marah, sedih atau sebagainya. Jadi, kanak-kanak juga menggemari muzik. Malah, muzik juga menjadi sebahagian elemen penting dalam sistem pembelajaran kanak-kanak. Kebanyakan ibu bapa yang menidurkan anak mereka pasti akan mendodoikan bayi dengan alunan muzik. Ajaibnya tidak berapa lama selepas itu, bayi pasti akan tidur lena. Begitulah kuasa muzik yang sejak dulu, tanpa kita sedari, telah digunakan dalam kehidupan. Mengetahui kehebatan muzik kepada perkembangan kanak-kanak, berikut merupakan senarai 10 sebab mengapa ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak bermain salah satu alat muzik seperti gitar, bass, drum, piano, violin dan sebagainya.

1. Mengajar Berdisiplin.

Mempelajari instrumen muzik memerlukan sikap dedikasi dan kerja keras yang tinggi, dan yang paling penting, sikap berdisiplin dalam mempelajari alat muzik. Semasa belajar alat muzik, seseorang itu perlu kerap berlatih bagi memahirkannya lagi penguasaannya dalam bermain. Hal ini memerlukan latihan berterusan dan komitmen yang tinggi daripada kanak-kanak.

2. Meningkatkan Keupayaan Memori.

Kajian menunjukkan mereka yang mempelajari alat muzik akan merangsang perkembangan otak dan meningkatkan keupayaan memori.

3. Merangsang Perkembangan Kognitif.

Muzik dapat merangsang minda. Kajian menunjukkan kanak-kanak yang bermain instrumen muzik dapat meningkatkan keupayaan kebergantungan otak.

4. Koordinasi Mata dan Tangan.

Bermain instrumen memerlukan penyelarasan mata dan tangan secara serentak. Semasa memainkan alat muzik, kanak-kanak perlu membaca nota muzik sambil menggerakkan tangan untuk bermain alat muzik.

5. Meningkatkan Kemahiran Matematik.

Membaca nota muzik memerlukan kanak-kanak untuk mengira nota di samping mengikut irama muzik. Kajian menunjukkan mereka yang mempelajari alat muzik kebanyakannya berjaya dalam mata pelajaran Matematik di sekolah.

6. Menghilangkan Tekanan.

Fungsi muzik dalam melegakan tekanan setiap orang bukan rahsia lagi, begitu juga bagi mereka yang memainkan alat muzik. Bermain alat muzik memerlukan sepenuh tumpuan dan membolehkan kanak-kanak untuk melupakan seketika masalah mereka. Muzik juga tidak disangkal lagi dapat memberikan ketenangan kepada seseorang.

7. Tanam Sifat Sabar.

Dalam proses pembelajaran alat muzik, kanak-kanak diajar bersabar sebelum dapat menguasai sepenuhnya instrumen tersebut. Belajar alat muzik dilakukan secara berperingkat sebelum mahir menggunakannya.

8. Merancang Jadual.

Dalam usaha mempelajari alat muzik, kanak-kanak perlu bijak mengatur jadual untuk mengikuti kelas harian, menyiapkan kerja rumah yang diberikan guru dan memperuntukkan masa untuk bermain. Semua ini memerlukan kanak-kanak untuk mengatur jadual dengan baik.

9. Mengurangkan Ketakutan.

Bermain alat muzik dapat mengurangkan rasa takut kanak-kanak untuk berhadapan dengan orang lain. Contohnya kanak-kanak yang berbakat dalam bermain alat muzik akan belajar untuk mempersembahkan bakat mereka di hadapan orang ramai. Secara tidak langsung dapat mengurangkan ketakutan mereka semasa di pentas, sekaligus meningkatkan rasa yakin dalam diri.

10. Medium Luah Rasa.

Muzik diketahui bukan sahaja dapat menghiburkan orang tetapi juga menjadi medan untuk meluahkan perasaan. Kebanyakan penyanyi, pemuzik dan penyanyi rap menggunakan muzik untuk menunjukkan perasaan mereka. Begitu juga dengan pemain alat muzik, memainkan instrumen menyediakan medium yang tepat untuk kanak-kanak meluahkan perasaan mereka.

2. 3 prinsip bagi kualiti PKBP.